

16 APR 1997

MB BARU: DR MAHATHIR JUMPA SULTAN SELANGOR SELEPAS RAYA

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menghadap Sultan Selangor selepas Hari Raya Haji berhubung pelantikan Menteri Besar Selangor yang baru ekoran peletakan jawatan Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib Isnin lepas.

Menurut sumber Istana Alam Shah hari ini, tarikh sebenar majlis menghadap itu belum ditetapkan.

Sumber itu berkata, Sultan Selangor yang menjalani pemeriksaan di Institut Jantung Negara (IJN) di sini sejak Ahad lepas, telah dikunjungi Dr Mahathir pagi ini.

"Kunjungan (Perdana Menteri di IJN) pagi tadi tidak formal. Perjumpaan selepas Raya nanti formal," kata pegawai itu.

Sultan Selangor kemudian dibenarkan keluar dari IJN dan pulang ke Istana dengan diiringi Cik Puan Besar Selangor Siti Aishah kira-kira pukul 11 pagi.

Wakil-wakil media yang cuba mendekati Sultan Selangor sejeurus sebelum baginda menaiki keretanya untuk mendapatkan komennya mengenai isu pelantikan MB yang baru, bagaimanapun dilarang berbuat demikian oleh para pegawai pengiringnya. -- BERNAMA

NHD NMO